

MENILAI PELAKSANAAN PROGRAM GURU PENYAYANG
TERHADAP MURID ORANG ASLI DAERAH TAPAH
MELALUI MODEL KIPP

HASNIZA BINTI OTHMAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENILAIAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana keberkesanan PGP terhadap murid Orang Asli di sekolah menengah di Daerah Tapah, Perak. Faktor yang dikaji adalah persepsi guru terhadap dimensi Konteks (hasrat KPM), Input (LADAP dan fizikal bilik darjah), Proses (kesediaan, pemahaman dan aktiviti PGP) dan Produk (objektif PGP, sikap dan pengetahuan murid Orang Asli) menggunakan Model Penilaian KIPP Stufflebeam. Pendekatan kuantitatif dengan rekabentuk kaedah tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara sensus di mana semua populasi dijadikan sampel kajian melibatkan 200 orang guru sekolah menengah yang mengajar murid Orang Asli. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set borang soal selidik yang mempunyai 69 item soalan objektif berskala Likert Lima Mata. Data dianalisis menggunakan perisian *SPSS* Versi 23.0 menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap persepsi guru manakala statistik inferensi pula melibatkan korelasi dan Ujian Regresi Pelbagai. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan persepsi guru terhadap pelaksanaan PGP berada pada tahap sederhana dan tinggi. Terdapat hubungan yang signifikan, positif dan kuat antara dimensi Konteks dan Input. Walau bagaimanapun, hubungan antara dimensi Input dan Proses pula adalah signifikan, positif dan sederhana. Seterusnya, hubungan antara dimensi Konteks dan Proses serta hubungan antara dimensi Konteks dan Produk adalah signifikan, positif dan lemah. Dimensi Proses merupakan peramal terbaik. Implikasi kajian ini adalah untuk memberi sokongan dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PGP di sekolah-sekolah di Malaysia, terutama dalam kalangan murid Orang Asli.





AN EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF “PROGRAM GURU PENYAYANG” IN THE TAPAH DISTRICT THROUGH THE CIPP MODEL

ABSTRACT

The purpose of this study was to assess the effectiveness of PGP on Orang Asli students in secondary schools in the Tapah District, Perak. The factors studied were teachers' perceptions of Context dimension (KPM's objective), Input (LADAP and physical classrooms), Process (readiness, understanding and PGP activities) and Product (PGP objectives, attitude and knowledge of Orang Asli students) using the Stufflebeam CIPP Evaluation Model. A quantitative approach with a survey design was utilised in this study. The selection of subjects was conducted using the census method where the population was used as the study sample involving 200 secondary school teachers who taught the Aboriginal students. The research instrument used was a set of questionnaires with 69 items of objective questions using the five-point Likert Scale. The data were analyzed using the SPSS 23.0 version for the descriptive and inference analysis. The descriptive analysis described the level of teacher perception, while inferential statistics involved correlation and used multiple regression. The overall findings showed that teachers' perceptions of PGP implementation were moderate and high. There was a significant, positive and strong relationship between the Context dimension and the Input dimension. On the other hand, the relationship between the Input dimension and the Process dimension was significant, positive and moderate. Furthermore, the relationship between the Context dimension and the Process dimension as well as the relationship between the Content dimension and the Product dimension were both significant, positive and weak. The Process Dimension was the best predictor. The implication of the study is that this study provides support to improve the effectiveness of PGP in Malaysian schools, especially among the Orang Asli students.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Soalan Kajian	14
1.6	Hipotesis	16
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	17





1.8	Kepentingan Kajian	22
1.9	Batasan Kajian	25
1.10	Definisi Operasional	25
1.10.1	Penilaian	25
1.10.2	Program Guru Penyayang	26
1.10.3	Guru	26
1.10.4	Murid Orang Asli	27
1.10.5	Sekolah Menengah	28
1.11	Rumusan	28



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	29
2.2	Guru Penyayang	30
2.3	Pelaksanaan PGP Dalam Konteks Sistem Pendidikan Malaysia	33
2.4	Teori Yang Berkaitan Dengan Kajian	38
2.4.1	Teori Pelaziman Klasik Ivan Pavlov (1849)	38
2.4.2	Teori Hierarki Keperluan Manusia Abraham Maslow (1970)	41
2.5	Konsep Penilaian	47
2.6	Penilaian Program	51
2.6.1	Jenis-jenis Penilaian	52





2.7	Model-model Penilaian – Kirtpatrick (1976), Tyler (1950) dan Robert Stake (1967)	55
2.8	Model Penilaian KIPP Stufflebeam (1973)	64
2.8.1	Dimensi Penilaian Konteks	67
2.8.2	Dimensi Penilaian Input	68
2.8.3	Dimensi Penilaian Proses	69
2.8.4	Dimensi Penilaian Produk	71
2.9	Pemilihan Model Penilaian KIPP	75
2.10	Konstruk-konstruk Dalam Kajian	79
2.10.1	Dimensi Penilaian Konteks (K)	79
2.10.2	Dimensi Penilaian Input (I)	80
2.10.3	Dimensi Penilaian Proses (P)	88
2.10.4	Dimensi Penilaian Produk (P)	101
2.11	Kajian Berkaitan Penilaian Program	109
2.12	Rumusan	114

BAB 3

METODOLOGI

3.1	Pengenalan	115
3.2	Reka Bentuk Kajian	116
3.3	Populasi dan Sampel	118
3.4	Instrumen	119





3.4.1	Analisis Profil Responden	120
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	123
3.6	Kajian Rintis	129
3.6.1	Dapatan Kajian Rintis	130
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	134
3.8	Kaedah Menganalisis Data	135
3.9	Rumusan	137

BAB 4

DAPATAN KAJIAN



4.1	Pengenalan	138
4.2	Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	140
4.3	Dapatan Kajian	142
4.4	Soalan Kajian 1 Hingga 4 Bagi Setiap Dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk	142
4.5	Soalan Kajian 5 (i): Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Input Dalam Pelaksanaan PGP	145
4.6	Soalan Kajian 5 (ii): Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan PGP	146
4.7	Soalan Kajian 5 (iii): Hubungan Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP	147
4.8	Soalan Kajian 5 (iv): Hubungan Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan PGP	148
4.9	Soalan Kajian 5 (v): Hubungan Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP	149



4.10	Soalan Kajian 5 (vi): Hubungan Antara Dimensi Proses Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP	150
4.11	Soalan Kajian 6: Sejauhmana Setiap Dimensi Konteks, Dimensi Input dan Dimensi Proses Mempengaruhi Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP?	151
4.12	Soalan Kajian 7: Apakah Peramal Terbaik Untuk Dimensi Penilaian Produk Dalam Pelaksanaan PGP?	152
4.13	Rumusan	153

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	154
5.2	Ringkasan Kajian	154
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	156
5.3.1	Soalan Kajian 1: Apakah Persepsi Guru Terhadap Dimensi Konteks?	157
5.3.2	Soalan Kajian 2: Apakah Persepsi Guru Terhadap Dimensi Input?	161
5.3.3	Soalan Kajian 3: Apakah Persepsi Guru Terhadap Dimensi Proses?	164
5.3.4	Soalan Kajian 4: Apakah Persepsi Guru Terhadap Dimensi Produk?	167
5.3.5	Soalan Kajian 5: Apakah Perhubungan Antara Konteks, Input, Proses Dan Produk Dalam Pelaksanaan PGP?	170
5.3.6	Persoalan Kajian 6 Dan 7: Sejauh Mana Setiap Dimensi Konteks, Input Dan Proses Mempengaruhi Dimensi Produk?	175



5.3.7	Apakah Peramal Terbaik Untuk Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP?	177
5.4	Implikasi Kajian	179
5.5	Cadangan	182
5.6	Kesimpulan	183

RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbezaan Utama Antara Penilaian Formatif Dan Sumatif	54
2.2	Pendekatan Penilaian, Model Dan Fokusnya	56
2.3	Tahap Dan Fokus Pengukurannya Dalam Model Kirkpatrick	60
2.4	Penilaian Sumatif	72
2.5	Penilaian Sumatif Terhadap Dimensi KIPP	73
2.6	Ringkasan Model Penilaian	74
3.1	Taburan Sampel Kajian	118
3.2	Analisis Profil Responden	121
3.3	Konstruk, Subkonstruk Dan Item Soal Kajian	123
3.4	Nilai Pekali Alpha Cronbach (α)	127
3.5	Nilai Alpha Cronbach Untuk Dimensi Penilaian KIPP	132
3.6	Item Soal Selidik Selepas Analisis Data	133
3.7	Interprestasi Skor Min	136
3.8	Kekuatan Korelasi, r	136
4.1	4 Dimensi Penilaian KIPP Dan Komponen	140
4.2	Persepsi Guru Bagi Setiap Dimensi Konteks, Input, Proses Dan Produk	144
4.3	Korelasi Pearson <i>Product Moment</i> Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Input Dalam Pelaksanaan PGP	145

4.4	Korelasi Pearson <i>Product Moment</i> Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan PGP	146
4.5	Korelasi Pearson <i>Product Moment</i> Antara Dimensi Konteks Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP	147
4.6	Korelasi Pearson <i>Product Moment</i> Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Proses Dalam Pelaksanaan PGP	148
4.7	Korelasi Pearson <i>Product Moment</i> Antara Dimensi Input Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP	149
4.8	Korelasi Pearson <i>Product Moment</i> Antara Dimensi Proses Dengan Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP	150
4.9	Pengaruh Dimensi Konteks, Dimensi Input Dan Dimensi Proses Ke Atas Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP	151
4.10	Peramal Terbaik Untuk Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan PGP	152



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Keberhasilan Murid Orang Asli	4
1.2	Hubungan Dinamik Dalam Model Penilaian KIPP	21
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	22
2.1	Konsep Teori Pelaziman Klasik	38
2.2	Hierarki Keperluan Manusia	41
2.3	Model Penilaian Kirtpatrick	59
3.1	Tatacara Pengumpulan Data	135



SENARAI SINGKATAN

BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JAKOA	Jabatan Kebajikan Orang Asli
JPGP	Jawatankuasa Pelaksana Guru Penyayang
KIPP	Konteks, Input, Proses dan Produk
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPPM	Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
OA	Orang Asli
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PGP	Program Guru Penyayang
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SGM	Standard Guru Malaysia
SK	Sekolah Kebangsaan
SM	Sekolah Menengah
SP	Sekolah Penyayang
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SR	Sekolah rendah



SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai Jadual
- B Senarai Rajah
- C Senarai Singkatan
- D Senarai Lampiran
- E Surat Siaran KPPM Bilangan 4 Tahun 2012 Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang
- F Buku Panduan Aktiviti Guru Penyayang
- G Kertas Konsep Guru Penyayang
- H Kertas Maklum Laporan Status Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang Kementerian Pelajaran Malaysia 2012
- I Surat Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang
- J Instrumen Indeks Persepsi Murid (IPM) Terhadap Guru Penyayang
- J Surat Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Instrumen
- K Borang Pengesahan Soal Selidik
- L Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- M Borang Soal Selidik





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pendidikan berperanan penting dalam membangunkan modal insan berkualiti dan berkembang secara holistik merangkumi disiplin ilmu, pemantapan kemahiran, pembangunan minda, rohani, sahsiah dan etika. Bahkan, pendidikan membentuk ciri wasathiah dalam aspek falsafah hidup, pegangan agama, kemoralan, martabat diri, bangsa, agama dan negara bagi memenuhi aspirasi negara sebagai teras pembangunan negara ke arah Wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju menjelang abad ke-21. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan; PIPP (2006-2010) menggariskan dasar





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, sosio ekonomi dan tahap keupayaan minoriti murid Orang Asli (OA). Mereka dianggap minoriti kerana pada tahun 2000 populasi penduduk OA hanya seramai 132,000 orang iaitu 0.5% daripada jumlah keseluruhan penduduk negara (Khairul Hisyam & Ibrahim Ngah, 2007; Seow, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat Jamiran, Zainal Zulhilmi Zainal Abidin, & Siti Aminah Mohd Sam, 2013). Manakala bancian tahun 2010 menunjukkan bilangan OA meningkat kepada 178,197 orang. Dari segi taburan penempatan masyarakat OA, sebanyak 38% menetap di kawasan pedalaman manakala 61% menetap di kawasan pinggir dan 1% menetap di kawasan bandar (Alfitri Alfitri, 2015; Rohayu Rodin & Noor Sharipah Sultan Sidi, 2013; Seow et al., 2013).



Justeru, KPM diberikan tanggungjawab sebagai nadi penggerak untuk membentuk potensi generasi muda, berkemahiran, berperibadi unggul, mempunyai perspektif hidup yang berjaya serta mampu memajukan negara di mata dunia selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin (2012) mentakrifkan generasi muda sebagai pembentuk modal insan melalui pelaburan dalam pendidikan, latihan dalam perkhidmatan (LADAP) atau pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, galakan penghijrahan dan penguasaan maklumat. Memandangkan pendidikan menjadi asas kepada pembinaan modal insan, Thompson (2013) menambah bahawa pengurusan strategik melibatkan usaha giat pihak sekolah untuk menjayakan perancangan organisasi ke arah perubahan yang positif. Modal insan berkualiti memerlukan individu yang berpengetahuan dan berinovasi bagi mencapai minda kelas pertama.






Matlamat sama terkandung dalam Laporan Razak (1956) sehingga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia; PPPM (2013-2025), iaitu memperbaiki dan meningkatkan kualiti pendidikan negara. Pihak sekolah berperanan dan bertanggungjawab untuk menambahbaik pencapaian murid OA berdasarkan penetapan piawaian oleh pihak kementerian. Oleh demikian, Standard Guru Malaysia (SGM) menggariskan kriteria dan standard am pendidikan tinggi bagi melahirkan guru cemerlang bagi pembangunan modal insan kelas pertama bagi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 (KPM, 2012). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) turut menekankan pembentukan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).



Bahkan, cabaran strategik ke-7 dalam Wawasan 2020 pula bertujuan mewujudkan masyarakat berjiwa penyayang. Malah, profesion perguruan juga menekankan kepada pembinaan dan pembentukan masyarakat membangun serta beretika, membina kekuatan sendiri, bahkan menentukan masa depan yang bebas daripada sebarang krisis sosial dan moral. Dengan kata lain, Slaus dan Jacobs (2012) berpendapat bahawa pembangunan modal insan menjadi penentu dalam tempoh jangka panjang dan mempercepatkan evolusi kesedaran manusia secara matang dan mampan. Modal insan adalah penentu kritikal kepada masyarakat OA serta mempengaruhi penerimaan mereka terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Mohd Yassin Hamdan (2013) turut menyatakan pembangunan modal insan yang terancang akan melahirkan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.



Namun, statistik daripada PPPM (2013-2025) menunjukkan kadar keciciran tinggi murid OA mempengaruhi pencapaian pendidikan mereka berbanding purata kebangsaan. Hanya 30% murid OA menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah (SM) atau purata kebangsaan adalah 72%. Manakala purata kebangsaan, iaitu 87% berbanding 61% murid sekolah kebangsaan (SK) Asli lulus mata pelajaran teras dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Sebanyak 35% SK Asli berada dalam Band 6 dan 7 sebagai sekolah berprestasi rendah berbanding hanya 1% di sekolah awam. Ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1 berkenaan dengan keberhasilan murid OA.



Rajah 1.1. Keberhasilan Murid OA. Diadaptasi dari Sharifah Md Noor, Samsilah Roslan, Aminuddin Mohamed, Kamaruddin Abu Hassan, Mohamad Azhar Mat Ali, & Jaimah Abdul Manaf, 2012



Kajian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia; SUHAKAM (2012) menunjukkan bahawa masyarakat OA menghadapi masalah pendidikan berkualiti sehingga menyebabkan segelintir kanak-kanak OA tidak bersekolah langsung serta tidak menamatkan persekolahan. Secara umum, jelas menunjukkan bahawa masyarakat OA kurang berminat dengan pendidikan. Hal ini disokong oleh kajian Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas (2012) yang menyatakan bahawa masih sukar untuk mengubah persepsi OA disebabkan kurangnya bantuan dan sokongan pendidikan terhadap mereka. Justeru, masyarakat OA perlu didedahkan dengan dunia pendidikan bagi mengelak mereka terus tercicir. Oleh demikian, pada tahun 2012 KPM memperkenalkan Program Guru Penyayang (PGP) yang berkonsepkan amalan guru penyayang dan sekolah penyayang (SP) di semua peringkat sekolah bagi mengurangkan kadar ponteng dan keciciran murid OA. Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) sebagai penggerak kepada PGP dan kerjasama baik daripada semua warga sekolah.

1.2 Latar belakang kajian

PGP merupakan satu program pendidikan untuk melahirkan modal insan yang dapat menangani era globalisasi dan k-ekonomi Malaysia seperti mana dalam teras ke-3 PPPM; 2013-2025 untuk melahirkan insan yang mempunyai penghayatan nilai. Justeru, kementerian melancarkan Pelan Lima Tahun Transformasi Pendidikan OA (2013-2018) dalam PPPM (2013-2025) yang mengandungi tujuh inisiatif merangkumi; pemantapan tadbir urus sekolah, elemen Pendidikan Asas Vokasional di peringkat menengah rendah harian sebagai tumpuan murid OA, mengurangkan kadar keciciran





murid OA ke sekolah sebanyak 6% setahun mulai 2014, meningkatkan keperluan semasa melalui pengambilan mahasiswa bagi Program Khas Ijazah Sarjana Muda Perguruan di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan Pahang, penambahbaikan infrastruktur dan prasarana pendidikan OA, memperkasa jalinan kerjasama dengan rakan sinergi, rakan di lapangan dan rakan antarabangsa serta mewujudkan satu Sistem Pengesanan Prestasi Sekolah dan murid OA. Menurut Norizan Abdul Muhid (2013), inisiatif ini memenuhi keperluan OA melalui pelaksanaan aktiviti yang dirancang, digubal dan dilaksanakan dengan mengambilkira unsur dan ideologi tempatan demi mencapai matlamat FPK.

Justeru, bagi menyediakan iklim pembelajaran yang baik KPM merangka serta melaksanakan pelbagai program sokongan di peringkat sekolah seperti program di bawah tanggungjawab Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK). Malah, disediakan inisiatif untuk pembangunan pendidikan kaum OA seperti Kurikulum Bersepadu Orang Asli atau Penan (KPM, 2012), Program Sekolah Model Khas Komprehensif K9 (Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil, & Rosmiza Mohd Zainol, 2014), Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi KEDAP (KPM, 2012) bagi memantapkan masa depan masyarakat OA. Tambahan pula turut ditekankan kepentingan pencapaian akademik untuk masa depan murid OA (Siti Nurul Ainmey Sheikh Abdul Hamid, 2013). Namun, murid OA masih ketinggalan dan tercicir dalam semua peringkat pendidikan (Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman, & Siti Hajar Idris, 2012).





Isu murid OA gagal menguasai literasi turut menyentuh isu global dan menjadi fokus dalam agenda pendidikan dunia (Rancangan Malaysia Ke-10, 2010) kerana masih wujud jurang pencapaian antara murid arus perdana dengan murid OA (Ramlee Mustapha, 2014; Vanitha Thanabalan, Saedah Siraj, & Norlidah Alias, 2014; Norwaliza Abdul Wahab, Abd Razak Ahmad, Zalizan Mohamad Jelas, Norshariani Abd Rahman, & Lilia Halim, 2014). Menurut perangkaan dari Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA, 2012), seramai 26,268 murid OA meneruskan pembelajaran di sekolah rendah (SR) dan seramai 12,147 murid OA berada di peringkat SM dan daripada jumlah ini, seramai 408 murid OA berjaya melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun 2011 dan seramai 469 murid OA lagi berada di IPTA pada tahun 2012.



Rasional PGP diperkenalkan oleh KPM di sekolah adalah untuk memberikan penekanan terhadap amalan budaya penyayang dan menyemarakkan program ini untuk semua warga sekolah. Sekaligus berupaya menarik perhatian dan minat murid OA untuk mengikuti pembelajaran dengan jayanya. Ini kerana, kajian Nazariyah Sani (2013) mendapati bahawa tahap kehadiran kanak-kanak OA ke sekolah sangat rendah kerana mereka mudah berasa bosan dan jemu dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah.





1.3 Pernyataan masalah

Guru merupakan golongan pendidik yang berperanan penting dalam dunia pendidikan dan SGM memartabatkan profesion perguruan sebaris dengan profesion yang lain. Bahkan PIPP, FPN, FPK, PPPM dan SGM turut menekankan tentang peranan guru bagi melahirkan modal insan berkualiti sebagai aset penting negara pada masa hadapan. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pencapaian murid OA ke sekolah dan guru dikatakan mempengaruhi prestasi murid OA dalam pendidikan. Sememangnya, peranan guru sebagai pendidik kini semakin mencabar.

Keberkesanan guru dilihat tatkala berupaya mengaplikasikan kemahiran interpersonal yang menjadikan proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) jelas, lancar dan mudah difahami (Syofia Ulah, Zamri Mahamod, Jamaluddin Badusah, & Hamidah Yamat, 2012). Sikap penyayang sering digunakan oleh guru ketika menyampaikan pengajaran (Syofia et al., 2012). Namun begitu, aplikasi kepentingan sifat penyayang dalam pengajaran masih belum dilaksanakan secara meluas oleh warga sekolah dan masih berada pada tahap sederhana. Malah, kajian oleh Mohd Yusof Mohd Fahmi (2016) turut mendapati bahawa masih wujud guru dominatif dengan beberapa aspek negatif perlakuan guru ketika mengajar seperti terlalu garang, marah tanpa usul periksa, menghina dan mengutuk murid. Impaknya terhadap perkembangan dan kemajuan murid serta menjadi penyebab kepada tingkah laku kurang baik murid OA. Dapatan kajian oleh Norazri Mohd Zaidin (2015) juga menunjukkan wujud kelemahan unsur kasih sayang dalam kalangan guru yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru.





Malah, kepelbagaian tugas yang terpaksa dipikul menimbulkan implikasi kepada guru (Azita Abdul Rahim, 2012). Ini kerana masih ada segelintir guru mengambil remeh tentang peranan dan tanggungjawab mereka di sekolah (Esah Sulaiman, 2012). Guru seharusnya bertindak sebagai pengembang, pengukuh, pembina kemahiran, mendekati perbezaan latar belakang dan personaliti murid dengan mempamerkan sikap penyayang sebagai pembina kemahiran sosial. Ini kerana, guru mempunyai tugas besar dalam pembentukan positif akhlak murid. Etika perguruan dilihat sebagai martabat seorang pendidik menyedari kehadiran murid ke sekolah merupakan rahmat bagi mereka. Maka, guru akan melaksanakan tanggungjawab mereka sebaiknya dalam bidang pendidikan (Alias Puteh, 2016). Murid OA merupakan aset kepada sekolah dan pihak sekolah wajar akur dengan perkara ini.



Hal ini kerana, sekolah yang tidak menghargai sumbangan murid OA mendorong kepada isu permasalahan disiplin murid yang dikatakan berpunca daripada guru (Rusli Wahab & Mohd Hassan Hashim, 2012). Sikap penyayang dalam kalangan guru masih kurang memuaskan berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Khalip Musa dan Hariza Abd. Halim (2015). Dapatan menunjukkan bahawa kemahiran interpersonal guru masih tidak konsisten dan tiada peningkatan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.





Berdasarkan perangkaan dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada tahun 2008 jelas membuktikan keciciran murid OA apabila 39.1% tidak mendaftarkan diri ke tingkatan satu dan hanya 30% berjaya menamatkan pendidikan SM, iaitu kurang separuh daripada purata kebangsaan (KPM, 2012). Bagi merealisasikan matlamat Malaysia, masyarakat OA perlu menyokong dan bersama-sama membangunkan agenda negara (Ramlee Mustapha, 2014; Vanitha Thanabalan et al., 2014; Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharuddin Ahmad, & Noraziah Ali, 2014). Statistik kadar keciciran murid OA menunjukkan penurunan sebanyak 27% pada tahun 2012 kepada 16.5% pada tahun 2017. Sehubungan itu, JAKOA perlu memberi fokus terhadap penurunan kadar keciciran ini terutamanya dari SR ke SM (JAKOA, 2016). Memandangkan pelbagai isu dalam dunia pendidikan, KPM melaksanakan alternatif terbaik melalui PGP menjelang tahun 2012 bagi menyuntik semula amalan penyayang kepada semua warga sekolah bagi menangani masalah salah laku murid. Pengkaji menjalankan kajian terhadap PGP bagi menilai sejauh mana keberkesanan pelaksanaannya di sekolah setelah enam tahun pelaksanaannya.

Tidak dinafikan, pembaharuan dalam dunia pendidikan Malaysia berlaku secara dinamik berdasarkan kecemerlangan pendidikan negara di rantau Asia dan antarabangsa menjelang abad ke-21. Menurut Laporan Persaingan Global 2011/2012, pembangunan sektor pendidikan menjadikan Malaysia berada di kedudukan ke-14 daripada 142 buah negara di seluruh dunia pada skor 5.1 iaitu tempat ke-2 selepas Singapura bagi rantau Asia Tenggara. Manakala kualiti pendidikan asas pula menunjukkan Malaysia menduduki tempat ke-21, pada skor 5 daripada skala 7 serta kadar enrolmennya ialah 94% iaitu berada pada kedudukan ke-61 (Portal Rasmi KPM, 2017). Walaupun banyak kejayaan pendidikan dicapai namun negara masih perlu





menangani masalah ponteng dan keciciran murid OA. Maka, perlu dijalankan kajian berkaitan isu ini.

Beberapa kajian lepas yang dijalankan oleh Nor Fariha Aniza Md Isa, Nurul Nadia Ahmad Sobri, dan Sofan Hashnuddin (2016) membuat analisis trend penyertaan dan keciciran dalam kalangan murid OA. Kajian oleh Haslinda Tahir Shah, Lilia Halim, dan Zanaton Iksan (2015) pula berkaitan dengan kaedah bermain dalam meningkatkan minat murid OA terhadap Sains. Manakala kajian oleh Mazdi Marzuki et al (2014) mengupas keciciran murid OA Malaysia berkaitan isu aksesibiliti sekolah. Kajian oleh Jumiya Ahmad (2014) pula mengaitkan isu keciciran murid OA (murid Kensiu) berkait rapat dengan masalah pembelajaran dan penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua.



Selain itu, kajian oleh Mazdi Marzuki (2013) memfokuskan tentang aksesibiliti geografi untuk trip sekolah di kalangan murid OA di Tapah. Manakala kajian oleh Aslian Pios (2012) melihat faktor penyumbang dan cadangan menangani masalah tidak menyiapkan kerja rumah dalam kalangan murid OA. Bahkan, kajian oleh Nazariyah Sani (2013) melihat masalah pembelajaran literasi, numerasi dan saringan (LINUS) murid OA. Tambahan pula, kajian oleh Azizi Yahaya dan Muhamad Jumat Aliju (2012) melihat faktor persekitaran merupakan faktor penyumbang kepada keciciran dan tingkah laku negatif terhadap pembelajaran.





Walaupun telah ada kajian keciciran pendidikan murid OA namun kajian-kajian lepas terhad kepada populasi tertentu dan tiada kajian khusus berkaitan PGP. Justeru, pengkaji menggunakan kesemua empat dimensi Model Penilaian KIPP untuk mengenal pasti masalah sebenar murid OA. Selain membantu pihak KPM merangka inisiatif terbaik bagi membuat penambahbaikan terhadap PGP dan menyumbang kepada dunia pendidikan negara pada masa akan datang.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana keberkesanan PGP terhadap murid OA di SM. Kajian ini menggariskan beberapa objektif sebagaimana berikut:



1. Dimensi Konteks (K);

- i. Mengetahui persepsi guru terhadap hasrat KPM; PIPP, FPN, FPK, PPPM dan SGM dalam melaksanakan PGP bagi murid OA.

2. Dimensi Input (I);

- i. Mengetahui persepsi guru terhadap LADAP berkaitan PGP dalam melaksanakan PGP bagi murid OA.
- ii. Mengetahui persepsi guru terhadap fizikal bilik darjah yang digunakan dalam melaksanakan PGP bagi murid OA.





3. Dimensi Proses (P);

- i. Mengenal pasti persepsi guru terhadap sikap guru (kepercayaan) dalam melaksanakan PGP bagi murid OA.
- ii. Mengenal pasti persepsi guru terhadap sikap guru (perasaan) dalam melaksanakan PGP bagi murid OA.
- iii. Mengenal pasti persepsi guru terhadap sikap guru (kesediaan) dalam melaksanakan PGP bagi murid OA.
- iv. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pemahaman guru dalam melaksanakan PGP bagi murid OA.
- v. Mengenal pasti persepsi guru terhadap cabaran yang terdapat dalam melaksanakan PGP bagi murid OA.
- vi. Mengenal pasti persepsi guru terhadap aktiviti PGP dalam melaksanakan



4. Dimensi Produk (P);

- i. Mengenal pasti persepsi guru terhadap matlamat PGP dalam kalangan murid OA.
- ii. Mengenal pasti persepsi guru terhadap sikap murid OA terhadap pembelajaran dalam melaksanakan PGP.
- iii. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pengetahuan murid OA yang digunakan dalam melaksanakan PGP.
- iv. Mengenal pasti persepsi guru terhadap motivasi murid OA ke sekolah dalam melaksanakan PGP.





5. Mengenal pasti saling perhubungan antara:
 - i. Dimensi Konteks dengan dimensi Input dalam pelaksanaan PGP.
 - ii. Dimensi Konteks dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan PGP.
 - iii. Dimensi Konteks dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.
 - iv. Dimensi Input dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan PGP.
 - v. Dimensi Input dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.
 - vi. Dimensi Proses dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.
6. Mengenal pasti sejauh mana sumbangan pengaruh dimensi Konteks, Input dan Proses ke atas dimensi Produk dalam PGP.
7. Mengenal pasti peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.



1.5 Soalan kajian

Beberapa soalan telah dibina berdasarkan objektif kajian tersebut:

1. Dimensi Konteks (K);
 - i. Apakah persepsi guru terhadap hasrat KPM; PIPP, FPN, FPK, PPPM dan SGM dalam melaksanakan PGP?
2. Dimensi Input (I);
 - i. Apakah persepsi guru terhadap LADAP berkaitan PGP dalam melaksanakan PGP?





- ii. Apakah persepsi guru terhadap fizikal bilik darjah yang digunakan dalam melaksanakan PGP?

3. Dimensi Proses (P);

- i. Apakah persepsi guru terhadap sikap guru (kepercayaan) dalam melaksanakan PGP?
- ii. Apakah persepsi guru terhadap sikap guru (perasaan) dalam melaksanakan PGP?
- iii. Apakah persepsi guru terhadap sikap guru (kesediaan) dalam melaksanakan PGP?
- iv. Apakah persepsi guru terhadap pemahaman guru dalam melaksanakan PGP?



- v. Apakah persepsi guru terhadap cabaran yang digunakan dalam melaksanakan PGP?

- vi. Apakah persepsi guru terhadap aktiviti PGP dalam melaksanakan PGP?

4. Dimensi Produk (P);

- i. Apakah persepsi guru terhadap matlamat PGP dalam melaksanakan PGP?
- ii. Apakah persepsi guru terhadap sikap murid Orang Asli dalam pembelajaran yang digunakan dalam melaksanakan PGP?
- iii. Apakah persepsi guru terhadap pengetahuan murid Orang Asli yang digunakan dalam melaksanakan PGP?
- iv. Apakah persepsi guru terhadap motivasi murid Orang Asli ke sekolah yang digunakan dalam melaksanakan PGP?





5. Adakah terdapatnya hubungan antara:-

- i. Dimensi Konteks dengan dimensi Input dalam pelaksanaan PGP?
- ii. Dimensi Konteks dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan PGP?
- iii. Dimensi Konteks dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP?
- iv. Dimensi Input dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan PGP?
- v. Dimensi Input dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP?
- vi. Dimensi Proses dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP?

6. Sejauh mana setiap dimensi Konteks, Input dan Proses mempengaruhi dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP?

7. Apakah peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP?



1.6 Hipotesis

Hipotesis kajian ini berdasarkan kepada soalan kajian (5), (6) dan (7).

- i. H_{a1} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi Konteks dengan dimensi Input dalam pelaksanaan PGP.
- ii. H_{a2} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi Konteks dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan PGP.
- iii. H_{a3} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi Konteks dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.





- iv. H_{a4}: Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi Input dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan PGP.
- v. H_{a5}: Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi Input dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.
- vi. H_{a6} : Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi Proses dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.
- vii. H_{a7}: Terdapat pengaruh yang signifikan antara dimensi Konteks, Input dan Proses ke atas dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.
- viii. H_{a8}: Terdapat peramal terbaik untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan PGP.



1.7 Kerangka konseptual kajian

Model atau kerangka adalah gambaran konseptual yang memperlihatkan hubungan antara pelbagai elemen dalam kegiatan tertentu. Menurut Notoatmodjo (2012), kerangka konsep adalah suatu huraian dan visualisasi tentang hubungan atau kaitan antara konsep atau pembolehubah yang akan diamati atau diukur melalui penelitian yang akan dilakukan.

Sugiyono (2014) menyatakan bahawa pembolehubah dalam kajian adalah sesuatu yang berbentuk seperti diagram alir, rajah, web atau bentuk skhemata yang ditetapkan oleh pengkaji untuk dipelajari sehingga maklumat diperolehi. Oleh hal demikian, terdapat dua pembolehubah yang boleh diamati sama ada pembolehubah bersandar atau pembolehubah tidak bersandar (Sugiyono, 2014). Kerangka konseptual





menyediakan penjelasan secara teoritikal untuk menyokong kajian dan memberikan gambaran lebih jelas serta mewakili rangka kerja keseluruhan kajian dan berkait rapat dengan objektif dan soalan kajian.

Beberapa rangka kerja penilaian turut mengambil kira takrif dan tujuan penilaian. Kamaruzaman Moidunny (2013) menyatakan penilaian sebagai proses pengumpulan maklumat dalam membimbing pembuat keputusan dan jaminan mutu program yang bermanfaat untuk pelbagai kumpulan. Penilaian dalam konteks kajian ini tidak mengumpul laporan berterusan sepanjang proses pelaksanaan PGP. Namun, pengkaji masih menyediakan maklumat lengkap kepada pihak berkepentingan untuk semakan dan penambahbaikan bagi menentukan kejayaan atau kegagalan sistem. Menggunakan rangka kerja ini, diharapkan penilaian membantu menyediakan garis panduan kepada pembuat keputusan dalam menghasilkan rekod dan memberikan penjelasan konkrit tentang fenomena semasa pelaksanaan PGP. Namun, kegagalan masih boleh berlaku sekiranya pihak bertanggungjawab tidak mengendalikan perolehan maklumat dengan betul (Ranita Manap et al., 2018).

Justeru, Model Penilaian KIPP dijadikan rangka kerja kajian kerana ia sangat sesuai digunakan dalam kajian PGP. Tambahan pula, penilaian KIPP juga menjurus ke arah pembuatan keputusan perancangan, penstrukturan, pelaksanaan dan kitar semula. Apabila melibatkan dimensi Konteks, pembuat keputusan berpeluang untuk merancang objektif PGP sama ada untuk mengesah atau mengubahsuai objektif sedia ada mahu pun membangunkan objektif yang baharu (Nor Hasnida Che Md Ghazali, 2015).





Oleh demikian, pengkaji harus membuat pemilihan objektif yang sesuai untuk mengkaji PGP serta menjawab persoalan “Apakah keperluan penting harus ditangani?”.

Bagi penilaian Input pula, pembuat keputusan membuat keputusan tentang struktur PGP yang berkait dengan strategi, personel, sumber, prosedur atau kos prospektif dalam mencapai objektif PGP (Nor Hasnida Che Md Ghazali, 2015). Dimensi penilaian Input juga menjawab persoalan “Adakah usaha itu dipandu oleh rancangan dan perbelanjaan yang boleh diterima dan dipersetujui?”.

Manakala semasa membuat keputusan tentang pelaksanaan sesuatu program seperti PGP, dimensi Proses memudahkan pembuat keputusan membuat keputusan tentang segala hal yang berkaitan dengan pelaksanaan seperti reka bentuk, strategi atau pelan tindakan yang telah dipilih untuk dilaksanakan dengan bijak dan melibatkan prosedur terbaik. Penilaian Proses bermatlamat untuk membuat pengumpulan dan mendokumentasi data bagi mengetahui sejauh mana perubahan telah berlaku dan komponen mana perlu diberi penekanan (Mohamad Fadzil & Abdul Jaleel, 2013). Oleh demikian, dimensi penilaian Proses memberi tumpuan kepada proses yang dilaksanakan untuk mencapai objektif program (Nor Hasnida Che Md Ghazali, 2015). Ia juga menjawab persoalan “Adakah reka bentuk perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap dan diubahsuai seperti yang diperlukan?”.






Akhir sekali, dimensi Produk melihat hasil terakhir selepas sesuatu program dilaksanakan. Menentu dan mengkaji hasil spesifik program bagi menjalankan penilaian keberkesanan kos selain mempertimbangkan sama ada program masih boleh diteruskan ataupun tidak, sejauh mana matlamat dan objektif telah tercapai selain menjawab persoalan tentang sesuatu program (Nor Hasnida Che Md Ghazali, 2015). Pernyataan ini disokong oleh pandangan Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2015), dimensi penilaian Produk memfokuskan kepada hubungan yang terhasil antara *outcome* bagi penilaian Konteks, Input, dan Proses dengan penilaian Produk. Malah, Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2015) menambah, hasil dapatan untuk penilaian hasil akan digunakan oleh pihak pengurusan untuk membuat keputusan sama ada sesuatu program perlu diteruskan, ditangguhkan, diubahsuai atau ditamatkan. Ia juga menjawab persoalan, “Adakah usaha yang dilakukan berjaya?”. Dalam erti kata lain, dimensi Produk lebih kepada membandingkan pencapaian hasil program dengan objektif yang telah ditetapkan.


Hubungan antara jenis penilaian dan keputusan ditunjukkan dalam Rajah 1.2 di mana tindakan dinamik penilaian menyampaikan keputusan dalam Model Penilaian KIPP. Maklumat pengambilan keputusan dari mana-mana peringkat aktiviti dapat diberikan kepada tahap terdahulu sehingga perubahan pada penilaian dibuat. Selain itu, keputusan juga dikategorikan mengikut tindakan dirancang atau sebenar mengikut tujuan serta cara tersendiri manakala keputusan kitar semula dan pelaksanaan dikelompokkan sebagai hasil.





Rajah 1.2. Hubungan dinamik dalam Model Penilaian KIPP

Pengkaji melibatkan kesemua komponen KIPP untuk menilai keberkesanan PGP. Walau bagaimanapun, Vincent dan Denis (2014) percaya penilaian masih boleh dijalankan walaupun hanya menggunakan mana-mana dua atau tiga komponen dalam model ini. Justeru, item atau pembinaan konstruk di bawah setiap dimensi KIPP dibina dengan sewajarnya untuk memenuhi tafsiran Model Penilaian KIPP dan juga berdasarkan kepada penemuan dan instrumen dari kajian-kajian terdahulu seperti mana Rajah 1.3.



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian. Diadaptasi dari Model Penilaian KIPP Stufflebeam bagi menilai pelaksanaan PGP

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini menjadi satu usaha penting kerana dapat memberi gambaran jelas tentang pelaksanaan PGP yang melibatkan semua warga sekolah terutama guru dan murid OA. Hasil dapatan ini dapat membantu pihak berkepentingan membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan PGP bagi mengatasi masalah ponteng dan kadar keciciran murid OA ke sekolah.



Hasil kajian ini diharap memberikan manfaat khususnya kepada pihak sekolah. PGP membantu pendidik mendapat cetusan idea dan kaedah terbaik melalui amalan penyayang bersama murid OA bagi mengangani isu dikaji. Melalui PGP, murid OA berasa dihargai dan diberikan perhatian oleh pihak sekolah.

Kajian ini juga memberikan perkembangan dan pendedahan ilmu melalui pengetahuan serta pengalaman berkaitan PGP. Di samping itu, pengkaji dapat memperolehi pelbagai jenis maklumat berkaitan PGP dan mengenal pasti kekangan yang sering dihadapi oleh pihak sekolah dalam dunia pendidikan kini.

Malah, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak KPM mengenal pasti beberapa faktor penyebab dan berusaha menangani isu kajian. Peranan yang dimainkan oleh para pendidik sekaligus mempertingkatkan kualiti guru dan merapatkan jurang pendidikan bersesuaian dengan matlamat PPPM; 2013-2025 iaitu dalam anjakan ke-4 Transformasi Perguruan sebagai Profesion Pilihan.

Kajian ini boleh dijadikan bahan rujukan, garis panduan dan pemudahcara kepada pengkaji-pengkaji lain membuat kajian lanjutan tentang PGP. Bahkan, memberi peluang kepada para pengkaji untuk melihat secara lebih berfokus, terperinci dan mendalam berkaitan PGP.





Kesimpulannya, kajian ini memberikan sumbangan idea, informasi dan gambaran jelas kepada semua pihak berkepentingan secara langsung atau tidak langsung tentang PGP. Adalah diharapkan semua pihak bersepadu menyediakan satu mekanisma dalam menggalakkan kehadiran murid OA ke sekolah bagi mengatasi kadar keciciran dan masalah ponteng, seterusnya dapat mengubah paradigma organisasi, masyarakat dan negara terhadap kepentingan PGP dalam pendidikan negara.

1.9 Batasan kajian

Pengkaji tidak mampu menjalankan kajian secara lebih menyeluruh dan skop yang lebih besar. Justeru, kajian ini terbatas kepada bilangan populasi guru yang mengajar murid OA sahaja. Kajian ini juga hanya melibatkan enam buah SM harian biasa di Daerah Tapah, Perak. Kesuntukan masa yang dihadapi pengkaji telah menghadkan bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini. Oleh demikian, dapatan kajian hanya dapat digeneralisasikan kepada guru-guru SM, Perak yang mempunyai murid OA di bawah KPM.





1.10 Definisi operasional

Definisi operasional adalah huraian tentang batasan pembolehubah yang dikaji atau tentang apa yang diukur oleh pembolehubah lain yang berkaitan kajian (Notoatmodjo, 2012). Justeru, pengkaji menyatakan beberapa definisi operasional bagi memudahkan kefahaman pembaca memahami beberapa istilah berkaitan kajian ini.

1.10.1 Penilaian

Menurut Kamus Dewan (2014), penilaian bermaksud perihal atau perbuatan menilai dan pentaksiran. Hicks, Wounters, Waltman, De Rijcke, dan Rafols (2015) berpendapat penilaian merupakan suatu yang dipimpin oleh data dan bukannya oleh penghakiman. Namun, definisi penilaian yang sering disebut adalah suatu proses untuk mengumpul dan mensintesis bukti dan boleh membuat kesimpulan tentang sesuatu menggunakan banyak kaedah serta mengukur pelbagai aspek (Mertens, 2015). Justeru, penilaian juga membawa maksud suatu penetapan terhadap sejauh mana kualiti yang terhasil daripada sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan. Oleh demikian, penilaian yang dimaksudkan dalam kajian ini akan melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaan PGP terhadap isu keciciran dan ponteng murid OA SM menggunakan Model Penilaian KIPP serta manfaat hasil dapatan kajian yang boleh digunakan oleh pihak berkepentingan.



1.10.2 Program Guru Penyayang

Merujuk kepada suatu program berkonsepkan kepada amalan penyayang yang dimulakan pada tahun 2012. Direka bentuk oleh KPM untuk dilaksanakan di semua peringkat sekolah oleh semua warga sekolah di Malaysia. Justeru, pengkaji mengambil kira kesemua aktiviti dan elemen PGP yang melibatkan warga sekolah terutama guru dan murid OA.

1.10.3 Guru

Guru bermaksud orang yang mengajar, pengajar, pendidik atau pengasuh (Kamus Dewan, 2014). Guru merupakan pembimbing dalam proses pembelajaran dan sebagai pendidik di sekolah berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, berkemahiran dalam melaksanakan tugas PdPc, menguasai psikologi sosial, berpengetahuan, berketerampilan dan bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Merujuk kepada kajian ini, guru merupakan kakitangan awam lantikan KPM yang berkhidmat di sekolah dan mengajar murid OA serta dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan segala peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan menjadi pelaksana PGP.





1.10.4 Murid Orang Asli

Mengikut Perkara 3 Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974: (1) dalam Akta ini OA ialah: (a) mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik OA, bercakap bahasa OA dan lazimnya mengikut cara hidup OA, adat dan kepercayaan OA dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu; (b) mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh OA yang telah dibesarkan sebagai seorang OA, lazim bercakap bahasa OA, lazim mengikut cara hidup OA, adat dan kepercayaan OA dan ialah anggota suatu masyarakat OA; atau (c) anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan OA dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap bahasa OA, lazim mengikut cara hidup OA, adat dan kepercayaan OA, dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat OA. (2) Mana-mana OA yang memeluk mana-mana agama lain atau kerana apa-apa sebab lain tidak lagi berpegang kepada kepercayaan OA tetapi dia masih mengikut cara hidup OA dan adat OA atau bercakap bahasa OA tidak boleh disifatkan tidak lagi menjadi OA semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu. (3) Apa-apa persoalan sama ada mana-mana orang ialah OA atau bukan OA hendaklah diputuskan oleh menteri.

(Akta Orang Asli 1954, semakan 1974).

Murid OA dalam kajian ini merujuk kepada individu yang berasal dari komuniti pribumi asli. Mereka bersekolah di peringkat SM dalam Daerah Tapah, Perak.





1.10.5 Sekolah menengah

Merujuk kepada SM harian sama ada pendidikan menengah rendah atau menengah atas yang berada di bawah KPM. Pendidikan menengah terdiri daripada lima tahun pembelajaran (13 hingga 17 tahun), merangkumi tiga tahun menengah rendah dan dua tahun menengah atas. Di negara-negara seperti Australia dan New Zealand, SM dikenali sebagai *secondary schools*. Dalam kajian ini, pengkaji memilih enam buah SM yang mempunyai komuniti murid OA dalam Daerah Tapah, Perak sebagai lokasi kajian.

1.11 Rumusan



Secara ringkas, bab ini membincangkan latar belakang pelaksanaan PGP sehingga pernyataan masalah dengan mengaitkannya dengan teori dan model-model penilaian. Model Penilaian KIPP digunakan dalam kajian ini dan dilihat bersesuaian dengan isu pengkaji. Selanjutnya, pengkaji menilai sejauh mana keberkesanan pelaksanaan PGP di SM mempengaruhi isu kajian. Objektif kajian, soalan kajian dan hipotesis kajian dinyatakan bagi membantu pengkaji menjalankan kajiannya dengan lebih terarah dan bersistematik. Beberapa istilah kajian dinyatakan dengan jelas untuk mengelakkan kekeliruan pembaca. Kajian ini signifikan kepada pendidik yang mengajar murid OA sekolah menengah di Negeri Perak dan hasil dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua golongan pendidik di semua sekolah di Malaysia.

